

Kenaikan OPR tekan peminjam, bank-bank konvensional kaut untung

32,000 bakal muflis

Oleh **AZMI NORDIN**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sebanyak 32,000 lagi peminjam dijangka muflis dalam tempoh dua tahun akan datang jika kadar dasar semalaman (OPR) terus dinaikkan iaitu pertambahan 70 peratus daripada jumlah peminjam muflis sedia ada.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Penyelesaian Pengguna dan Peminjam Malaysia (4PM), Rosland Mohd. Ariff berkata, jumlah peminjam muflis yang direkodkan sehingga kini sudah lebih daripada 46,000 ekoran tidak mampu membayar pinjaman disebabkan pandemik Covid-19 dan kini diburukkan dengan peningkatan kos sara hidup.

Menurut beliau, jika OPR terus dinaikkan rakyat akan terus 'ditekan' untuk menambah bayaran ansurans pinjaman menyebabkan mereka yang seawal usia 25 tahun akan lebih ramai diisytihar muflis.

"Dari awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga kini, lebih 46,000 rakyat sudah muflis disebabkan tidak mampu membayar pinjaman bank.

32,000 bakal muflis

Dari muka 1

“Kini dengan kenaikan OPR dan kos sara hidup terus menekan rakyat,” kata beliau ketika dihubungi baru-baru ini.

Menurut Rosland, rata-rata mereka yang muflis adalah yang membuat pinjaman kereta, peribadi, perumahan dan turut membabitkan ramai penjawat awam.


“Pendedahan mengenai masalah mental disebabkan tiada duit sehingga ada yang bunuh diri kerana tidak tahu untuk meneruskan hidup cukup menampakkan rakyat belum bersedia dengan peningkatan kadar faedah utang.

“Situasi yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia (BNM) seharusnya melalui perbincangan dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang paling hampir dengan rakyat. Saya membantah kenaikan OPR yang seperti dibuat sesuka hati,” katanya.

Pada 6 Julai lalu, akhbar ini melaporkan Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) BNM menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.25 peratus.

Sebelum itu, 11 Mei, bank pusat itu mengambil langkah sama menaikkan OPR kepada 25 mata asas daripada 1.75 peratus. Susulan itu, kadar siling dan lantai bagi koridor OPR masing-masing meningkat kepada 2.50 peratus dan 2.00 peratus.

Menurut BNM, pembukaan semula ekonomi global dan pasaran pekerja yang bertambah baik terus menyokong pemulihan ekonomi, namun faktor itu diimbangi oleh kesan



KEPUTUSAN BNM menaikkan OPR terus menjejaskan peminjam tetapi bank-bank konvensional boleh meraih keuntungan.

tekanan kos semakin meningkat ekoran konflik di Russia-Ukraine dan keadaan pembendungan di China.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, di sebalik kesan buruk kenaikan OPR kepada rakyat, tindakan BNM itu memberi kelebihan kepada bank-bank konvensional yang diramal bakal meraih keuntungan sekitar RM30 bilion tahun ini.

“Pada tahun 2019, keuntungan sembilan bank konvensional yang tersenarai di bursa saham RM35 bilion, namun, pada tahun 2020 keuntungan menurun kepada RM26 bilion.

“Dengan kenaikan OPR yang diramal terus naik lagi pada

September, sembilan bank konvensional tersebut dijangka boleh mencatat kenaikan keuntungan,” katanya.

Sehubungan itu, Razman berkata, rakyat kini bergantung harap kepada perbankan Islam mengambil inisiatif mengekalkan kadar faedah kepada peminjam.

“Walaupun OPR dinaikkan, bank konvensional akan naikkan faedah selaras dengan OPR tetapi rakyat berharap perbankan Islam akan membantu peminjam dari segi syariah iaitu bantu orang Islam itu sendiri.

“Bank masih mencatat keuntungan meskipun berada dalam pandemik, jadi tiada masalah jika perbankan Islam tidak menaikkan kadar faedah itu,” katanya.